



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 3 (63)

Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H

18 Jun 2025M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 3 Tahun 2025**

**Penetapan Tempoh Masa
Pemfailan Dan Penyampaian Pliding Atau
Jawapan Atau Balasan Kepada Afidavit Yang Menyokong Sesuatu Permohonan
Kes Mal Mahkamah Syariah Perak**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 28 Mei 2025 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubung dengan penetapan tempoh masa pemfailan dan penyampaian pliding atau jawapan atau balasan kepada afidavit yang menyokong sesuatu permohonan kes *Mal* Mahkamah Syariah Perak sebagaimana Garis Panduan yang dilampirkan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

**GARIS PANDUAN
PENETAPAN TEMPOH MASA PEMFAILAN DAN PENYAMPAIAN PLIDING
ATAU JAWAPAN ATAU BALASAN KEPADA AFIDAVIT YANG
MENYOKONG SESUATU PERMOHONAN KES MAL
MAHKAMAH SYARIAH PERAK**

BAHAGIAN I: NAMA DAN PEMAKAIAN

1. (1) Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Penetapan Tempoh Masa Pemfailan dan Penyampaian Pliding atau Jawapan atau Balasan kepada Afidavit yang Menyokong Sesuatu Permohonan Kes Mal Mahkamah Syariah Perak

(2) Garis Panduan ini terpakai bagi semua kes Mal di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 sama ada diwakili Peguam Syarie atau pun tidak.

BAHAGIAN II: TAFSIRAN

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

"Enakmen Pentadbiran" ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

"hari kehadiran" ertinya hari yang ditetapkan dalam mana-mana saman atau prosiding lain bagi kehadiran defendan atau mana-mana hari lain yang ditetapkan bagi pendengaran prosiding itu;

"Mahkamah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran;

"Pejabat Pendaftaran" ertinya Pejabat Pendaftaran Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rendah Syariah;

"pemfailan", berhubung dengan suatu dokumen, ertinya penyerahan, melalui pos atau selainnya, kepada pejabat Mahkamah;

"pliding" ertinya pernyataan tuntutan, pembelaan, tuntutan balas, jawapan kepada pembelaan, pembelaan kepada tuntutan balas dan jawapan kepada pembelaan tuntutan balas dan tidak termasuk suatu notis permohonan atau suatu tindakan permulaan.

BAHAGIAN III: PEMFAILAN

Pemfailan pliding atau jawapan atau balasan kepada afidavit

3. Tiap-tiap pliding atau jawapan atau balasan kepada afidavit yang menyokong sesuatu permohonan hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran pada bila-bila masa dalam tempoh yang ditetapkan sebelum penyampaian.

BAHAGIAN IV: PENYAMPAIAN PLIDING

Penyampaian pernyataan tuntutan

4. Melainkan jika Mahkamah memberikan kebenaran yang berlawanan atau suatu pernyataan tuntutan diendorskan pada saman itu, plaintif hendaklah menyampaikan pernyataan tuntutan itu kepada defendan atau, sekiranya ada dua atau lebih defendan, kepada setiap defendan, dan hendaklah berbuat sedemikian sama ada semasa saman itu disampaikan kepada defendan itu atau pada bila-bila masa selepas penyampaian saman tetapi sebelum hari kehadiran.

Penyampaian pembelaan

5. Seorang defendan yang berniat untuk membela, suatu tindakan hendaklah, melainkan jika Mahkamah memberikan kebenaran yang berlawanan, menyampaikan pembelaan kepada plaintif sebelum tamatnya empat belas hari selepas pernyataan tuntutan itu disampaikan kepadanya.

Penyampaian jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas

6. Jawapan kepada apa-apa pembelaan hendaklah disampaikan oleh plaintif sebelum tamatnya empat belas hari selepas pembelaan itu disampaikan kepadanya, dan pembelaan kepada tuntutan balas hendaklah disampaikan oleh plaintif sebelum tamatnya empat belas hari selepas tuntutan balas yang dimaksudkan olehnya itu disampaikan kepadanya.

Pliding yang berikutan daripada jawapan

7. Pliding yang berikutan daripada suatu jawapan atau suatu pembelaan kepada suatu tuntutan balas tidak boleh disampaikan kecuali dengan kebenaran Mahkamah bagi tempoh tidak melebihi empat belas hari.

BAHAGIAN V: PENUTUPAN PLIDING

Penutupan pliding

8. (1) Pliding dalam suatu tindakan adalah disifatkan tertutup----

- (a) pada tamatnya empat belas hari selepas penyampaian jawapan atau, sekiranya tidak ada jawapan tetapi hanya pembelaan kepada suatu tuntutan balas, selepas

penyampaian pembelaan kepada tuntutan balas itu; atau

- (b) sekiranya jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas itu tidak disampaikan, apabila tamatnya empat belas hari selepas penyampaian pembelaan itu.

(2) Pliding dalam suatu tindakan disifatkan tertutup pada masa yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) walaupun apa-apa permintaan atau perintah mendapatkan butiran telah dibuat tetapi belum lagi dipatuhi pada masa itu.

BAHAGIAN VI: KEINGKARAN PLIDING

Keingkaran pliding

9. (1) Jika mana-mana pihak ingkar memfailkan pliding, Mahkamah hendaklah menyifatkan pliding ditutup dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pliding terakhir diserahkan dan boleh menetapkan suatu perbicaraan walaupun terdapat keingkaran itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “pihak” termasuk plaintif, defendan, pihak ketiga dan pencilah.

BAHAGIAN VII: PENYAMPAIAN JAWAPAN ATAU BALASAN KEPADA AFIDAVIT YANG MENYOKONG SESUATU PERMOHONAN

Jawapan atau balasan kepada afidavit

10. (1) Apabila suatu permohonan telah disampaikan kepada responden, responden mempunyai empat belas hari untuk menjawab dan menyampaikan kepada pemohon suatu afidavit sebagai jawapan kepada permohonan itu.

(2) Selepas pemohon menerima afidavit jawapan, pemohon boleh menjawab selanjutnya dengan memfailkan dan menyampaikan kepada responden suatu afidavit lain sebagai balasan yang mana afidavit itu mesti difailkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan.

BAHAGIAN VIII: AKUAN PENERIMAAN

Akuan penerimaan

11. Tiap-tiap pliding atau jawapan atau balasan kepada affidavit yang menyokong sesuatu permohonan yang telah disampaikan hendaklah dibuktikan denganakuan penerimaan kecuali bagi penyampaian yang dilakukan di hadapan Mahkamah.

Borang

AKUAN PENERIMAAN

Saya mengesahkan telah menerima suatu (*saman dan pernyataan tuntutan / pembelaan / tuntutan balas / pembelaan kepada tuntutan balas / jawapan kepada pembelaan tuntutan balas / permohonan dan affidavit sokongan / affidavit jawapan / affidavit balasan) bagi Kes Mal No:.....

NAMA:

KAD PENGENALAN:

TARIKH:

MASA:

TANDATANGAN:

Peringatan:

Anda perlu menjawab atau membalas pliding / affidavit yang telah disampaikan kepada anda dengan memfailkan (*pembelaan / tuntutan balas / pembelaan kepada tuntutan balas / jawapan kepada pembelaan tuntutan balas / affidavit jawapan / affidavit balasan) dan menyampaikan kepada (*plaintif / defendan / pemohon / responden) dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan ini.

* potong mana yang tidak berkenaan